

## **Penyelesaian Konflik Selatan Thailand Dengan Menggunakan Model Gagasan 1 Malaysia**

Mohd Mizan Aslam

### **ABSTRAK**

Tragedi Masjid Tak Bai dan Krue Sae (Masjid Kerisik) pada tahun 2004 adalah merupakan titik tolak kepada kemusnahan yang berterusan di wilayah Selatan Thailand (Veitch, J. 2007). Sejak insiden tersebut, siri-siri serangan, pembunuhan dan pengeboman menjadi satu lumrah di kawasan Selatan Thailand. Isu besar ini umpama api dalam sekam. Ia sememangnya telah lama berakar umbi dan bergejolak. Cuma masanya belum tiba untuk memuncak hinggalah kedua-dua insiden ini tercetus. Peristiwa besar dalam sejarah negara Thailand ini berlarutan hingga membawa kepada kudeta di Thailand pada tahun 2006 (Martin, C. 2009). Kemudiannya pimpinan negara diambil alih oleh tentera (Sarayud Chulanon) sebelum diserahkan kepada Samak Sundaraj, Somchai Wongsawat dan Abishit Vejjajiva (Aslam, M. M. 2008). Artikel ini memerihalkan pilihanraya pertama sejak 2006 telah diadakan pada Julai 2011 dalam usaha mengembalikan semula demokrasi dan kuasa pentadbiran kepada rakyat jelata yang berlaku di Thailand.


### **PENDAHULUAN**

Tragedi Masjid Tak Bai dan Krue Sae (Masjid Kerisik) pada tahun 2004 adalah merupakan titik tolak kepada kemusnahan yang berterusan di wilayah Selatan Thailand (Veitch, J. 2007). Sejak insiden tersebut, siri-siri serangan, pembunuhan dan pengeboman menjadi satu lumrah di kawasan Selatan Thailand. Isu besar ini umpama api dalam sekam. Ia sememangnya telah lama berakar umbi dan bergejolak. Cuma masanya belum tiba untuk memuncak hinggalah kedua-dua insiden ini tercetus. Peristiwa besar dalam sejarah negara Thailand ini berlarutan hingga membawa kepada kudeta di Thailand pada tahun 2006 (Martin, C. 2009). Kemudiannya pimpinan negara diambil alih oleh tentera (Sarayud Chulanon) sebelum diserahkan kepada Samak Sundaraj, Somchai Wongsawat dan Abishit Vejjajiva (Aslam, M. M. 2008). Pilihanraya pertama sejak 2006 telah diadakan pada Julai 2011 dalam usaha mengembalikan semula demokrasi dan kuasa pentadbiran kepada rakyat jelata.

Dalam pilihanraya umum pertama yang diterima oleh majoriti rakyat Thailand sejak kerajaan Thaksin Shinawatra ditumbangkan oleh Rejim Tentera pada Oktober 2006 yang lalu, satu sinar di penghujung terowong kearah kehidupan yang harmoni dan stabil di bumi Thailand telah diperlihatkan. Pilihanraya ini juga menyaksikan kemenangan besar parti baru iaitu Pheu Thai dengan 265 kerusi Parlimen manakala tempat kedua adalah parti Demokrat pimpinan bekas Perdana Menteri Abishit Vejjajiva dengan 159 kerusi (Utusan, M. 03/07/11). Ini adalah merupakan satu sejarah kepada rakyat

Thailand yang sedang berusaha memulihkan demokrasi di negara gajah putih ini, ini kerana bukan sahaja mereka bakal menerima kepimpinan yang merupakan proksi kepada bekas Perdana Menteri yang telah digulingkan (Thaksin Shinawatra), malah juga mereka bakal menerima Perdana Menteri wanita pertama dalam sejarah Thailand. Malah ia juga akan menjadi negara ketiga di Asia Tenggara yang mempunyai wanita sebagai ketua negara selepas Filipina yang diterajui oleh Aquino dan Arroyo serta Indonesia yang diterajui oleh Megawati Sukarnoputri.

Akan tetapi ada sesuatu yang menarik untuk kita sama-sama perhatikan disini ialah tentang gagasan 'Satu Malaysia' yang telah diguna pakai oleh Yingluck Shinawatra dalam kempen-kempen yang dilakukannya bagi meraih sokongan akar umbi warga Thai terutamanya penduduk Muslim Selatan Thailand (Hindustantimes, 03/06/11). Yingluck merupakan adik kepada bekas Perdana Menteri Thaksin Shinawatra yang digulingkan lima tahun lalu. Antara masalah utama yang dihadapi oleh parti Yingluck (Pheu Thai) ialah menyelesaikan konflik di utara dan selatan Thailand, iaitu konflik dengan Cambodia berkenaan kuil bersejarah Vnar Preah dan pejuang pemisah Selatan Thailand. Dalam tempoh masa yang singkat, selepas parlimen dibubarkan pada pertengahan Mei lalu, Yingluck telah memulakan kempen pilihanrayanya dengan mengguna pakai konsep satu Malaysia dengan juga dikenali sebagai 'Satu Thailand' untuk menarik sokongan masyarakat terutamanya kaum Muslim yang merupakan penduduk majoriti di tiga buah daerah termiskin iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani (Bernama, 23/12/09).



Sumber: [http://www.thefullwiki.org/South\\_Thailand\\_insurgency](http://www.thefullwiki.org/South_Thailand_insurgency)

Gambar 1: Kedudukan tiga Daerah di Selatan Thailand iaitu Pattani, Narathiwat dan Yala yang berkongsi bahasa, agama, adat resam dan cara hidup dengan masyarakat pantai timur Malaysia.

## KONFLIK PALING LAMA DI ASIA TENGGARA

Historikalnya, Thailand telah menerima Islam yang dibawa oleh para pedagang Arab sekitar abad ke 10 Masihi. Ajaran ini diterima dengan baik tanpa sebarang tentangan daripada penduduk Thailand terutamanya masyarakat di daerah selatan iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan juga Songkhla. Selain itu juga, ajaran Islam tersebar ke kawasan lain seperti di Kok Samui, Kok Lanta, Krabi, Pattaya, Patthalung dan Nakhon sithammarat. Hari ini ketiga-tiga wilayah tersebut mempunyai lebih 95 peratus penduduk beragama Islam dan selebihnya adalah penganut Buddha yang bersamaan dengan 1.4 juta penganut Islam daripada jumlah keseluruhan 1.7 juta penduduk di wilayah-wilayah ini (Abuza, Z. 2003). Jumlah keseluruhan Muslim di Thailand hari ini dianggarkan sebanyak 3.2 juta orang iaitu kira-kira 5 peratus daripada keseluruhan penduduk Thailand.

Kerajaan Islam Pattani juga dikenali sebagai Pattani Darussalam adalah sebuah kerajaan berdaulat yang pernah menjadi sebuah kerajaan Islam yang besar di rantau ini (Islam, S.S. 1990) Kerajaan hebat ini bermula sekitar abad ke 15 Masihi iaitu apabila kerajaan Melaka mula mengalami zaman kejatuhannya. Kerajaan besar ini mempunyai kawasan jajahannya hingga mencakupi wilayah Myanmar dan Laos di utara dan negeri-negeri Pantai Timur Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Manakala negeri-negeri Pantai Barat seperti Perlis dan Kedah dikehendaki membayar ufti kepada Raja Siam sebagai tanda bahawa kedua-dua negeri ini berada di bawah naungan Bangkok (Aslam, M. M. 2009).

Walau bagaimanapun, kerajaan berdaulat pimpinan Sultan Muhammad ini hanya mampu bertahan sehingga abad ke 18 Masihi apabila kerajaan Siam menyerang dan menakluki kerajaan Pattani pada tahun 1785 (Che Man, W. A. K. 2008). Sultan Muhammad yang bersama-sama rakyat Pattani berjuang mempertahankan kerajaan ini, walau bagaimanapun beliau telah terkorban dan kerajaannya telah musnah sama sekali. Sejak dari peristiwa itu, penduduk di wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala tidak lagi mempunyai kerajaan (Respondent A1, 2007)<sup>1</sup>. Mereka terpaksa tunduk dan mengikuti segala arahan yang datang dari Bangkok. Maka siri-siri penentangan dan pemberontakan sentiasa berlaku di tiga buah daerah ini hingga mencetuskan pertumpahan darah. Semangat penduduk Islam yang ingin mengembalikan semula kedaulatan kerajaan Pattani tidak pernah pudar. Usaha ke arah tersebut sentiasa berjalan dan diteruskan dari generasi ke generasi.

Walau bagaimanapun, melalui 'Anglo-Siamese Treaty' yang dimeterai oleh Raja Siam dan British secara rahsia pada tahun 1909, negeri-negeri utara Malaysia yang merangkumi Pantai Timur dan Pantai Barat telah diambil alih oleh British (Che Man, W. A. K. 2008). Manakala Pattani, Yala dan Narathiwat yang berkongsi agama, bangsa, bahasa, dan budaya dibiarkan di bawah pengaruh Siam. Maka terpisahlah kedua-dua

---

<sup>1</sup> Respondent A1 (2007). Temubual pada 28 Disember 2007 di Kampung Baru Kota Mengkuang, Kedah (Beliau telah ditembak oleh pemisah Selatan Thailand pada tahun 2005. Telah dimasukkan ke wad kerana kecederaan di mata dan kaki.

kelompok masyarakat ini. Juga terpecahlah kerajaan hebat yang suatu masa dahulu menguasai sebahagian besar 'survanabumi'. Realitinya, untuk mengembalikan kuasa kerajaan Pattani dan tanah jajahannya iaitu negeri-negeri pantai timur dalam sebuah kerajaan berdaulat mungkin mustahil pada masa ini. Jika mampu berdiri pun, ianya mungkinlah kerajaan Pattani yang mempunyai autonomi dan hanya meliputi tiga daerah majoriti penduduk Islam iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani. Akan tetapi perjalanannya masih jauh dan penuh dengan liku-liku.

Sesuatu yang menarik disini ialah tentang masyarakat Islam Pattani ini, walaupun dihimpit dengan pelbagai tekanan oleh kerajaan Bangkok, namun mereka terus bertahan dan berusaha berdakwah di samping mengekalkan identiti Melayu Pattaninya. Dalam bidang ekonomi, mereka jauh dibelakang jika dibandingkan dengan masyarakat Cina yang beragama Buddha. Walaupun begitu, kebanyakan mereka adalah merupakan peniaga terutamanya golongan wanita. Dalam bidang politik dan pentadbiran pula, pemerintahan Thailand yang didominasi oleh penganut Buddha seringkali meminggirkan penduduk Selatan Thailand ini. Umat Islam seringkali dituduh sebagai penyebab timbulnya berbagai masalah politik dan sosial serta menggugat kestabilan ekonomi di wilayah-wilayah ini.

Rata-ratanya penduduk Selatan Thailand ini bekerja sebagai petani dan nelayan. Kebergantungan mereka kepada Laut adalah satu yang pasti dan telah berlaku sejak ratusan tahun dahulu. Manakala hutan dan kebun pula adalah sahabat mereka di darat. Ramai yang terlibat dalam industri getah tetapi bukan sebagai pemilik kebun, hanya sebagai penoreh yang mengambil upah mengikut hasil torehan mereka. Tipikal kampung yang dipenuhi dengan adat resam dan budaya Melayu masih utuh di perkampungan mereka. Kesederhanaan dan kejujuran mereka menjadi simbol utama dalam membina keharmonian dan kesejahteraan setempat.

Sistem pendidikan keagamaan bercorak tradisional masih boleh dilihat dimana-mana sahaja di wilayah ini. Rutin mereka ialah menunaikan solat subuh berjemaah di surau atau masjid kemudian keluar bekerja dan kembali semula sebelum zuhur (Respondent A2, 2007)<sup>2</sup>. Mereka akan ke surau dan masjid untuk menunaikan solat zuhur berjemaah dan membaca al-Quran disamping menelaah kitab-kitab lama tulisan jawi yang masih dijadikan rujukan utama mereka. Kebanyakan kanak-kanak Muslim di Selatan Thailand pada kebiasaannya belajar di dua buah sekolah iaitu sekolah harian yang disediakan oleh pemerintah sekuler Thailand dan sekolah agama tidak formal di setiap kampung-kampung yang mana mereka belajar membaca dan memahami al-Quran dan ajaran Islam dengan bimbingan ustaz dan imam-imam surau dan masjid yang berhampiran. Identiti pakaian mereka adalah berserban dan memakai kain sarung bagi lelaki serta baju kurung, tudung kepala dan t-shirt labuh bagi perempuan. Kehidupan mereka sangat sederhana jika dilihat dari aspek pakaian dan tempat tinggal.

---

<sup>2</sup> Respondent A2. (2007). Temubual pada 6 Disember 2007 di Ba Gan Koey. Satun, Thailand. Beliau adalah Imam yang disegani di bandar Satun dan menjadi seorang pakar rujuk utama dalam pendamaian untuk kes-kes berkaitan kumpulan pemisah.

Latar belakang sejarah wilayah Selatan Thailand yang majoritinya adalah Muslim sangat berbeza dengan wilayah utara yang mana didiami majoritinya penganut Buddha. Mereka mempunyai perbezaan yang cukup besar dari segi budaya, ideologi dan agama. Penduduk tiga buah daerah ini tidak merasakan diri mereka adalah sebahagian dari Siam (Respondent A3, 2007)<sup>3</sup>. Malah penduduk selatan Thailand juga dipaksa untuk menerima pelbagai elemen Siam-Buddha dalam kehidupan seharian mereka seperti mengguna pakai nama Siam sebagai identiti diri, menukarkan nama-nama kampung Islam menjadi perkampungan Thailand dan menidakkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai salah satu keunikan negara Thailand. Malah dalam beberapa insiden, mereka juga telah dipaksa dan dikasari oleh pemerintah Siam kerana menolak elemen-elemen Siam-Buddha (Respondent A3, 2007). Keadaan ini menyebabkan mereka semakin memberontak dan menentang pemerintah kerana ketidakadilan dan diskriminasi yang berlaku.

Hubungan yang agak tegang antara penduduk Muslim dan kerajaan Siam berpanjangan. Walaupun ada inisiatif yang cuba diambil oleh kedua-dua belah pihak dalam mengharmonikan hubungan kedua-duanya, tetapi seringkali gagal. Hal keadaan ini berpanjangan hingga dekad 70-an. Penentangan oleh Muslim Selatan Thailand menjadi semakin bersistem dengan lahirnya kumpulan-kumpulan perjuangan yang berdaftar dan diiktiraf. Maka timbullah berbagai organisasi yang menuntut kemerdekaan wilayah selatan ini seperti Pattani United Liberation Organization (PULO), Barisan Nasional Pembebasan Pattani (BNPP), dan Barisan Revolusi Nasional (BNP) dan Wa Ka Rae (WKR) (Che Man, W. A. K. 2008).

Pemerintahan Thaksin Shinawatra juga telah menyaksikan dua insiden besar berlaku iaitu tragedi Tak Bai dan Masjid Kerisik. Insiden kematian 87 pemuda Muslim yang disumbat ke dalam trak askar dalam keadaan meniarap dan tangan diikat dibelakang telah menjadi katalis dalam insiden pemberontakan berdarah di wilayah ini. Perjalanan selama lebih dua jam dalam trak tentera yang panas dan ditambah pula dengan keadaan mereka yang berpuasa telah menyebabkan kematian besar-besaran ini berlaku. Manakala tragedi Masjid Kerisik pula adalah melibatkan kematian 10 orang Islam yang sedang bersembahyang akibat ditembak oleh tentera Thailand (Respondent A1, 2007). Maka keadaan ini telah menyebabkan siri-siri pengeboman dan serangan berbentuk gerila yang disasarkan ke atas pihak tentera dan penduduk Buddha serta Muslim yang dikatakan sebagai tali barut kerajaan sentiasa berlaku. Ketika bahan ini ditulis, tidak kurang dari 4,500 orang penduduk dan pihak keselamatan Thailand telah menemui ajal akibat serangan oleh kumpulan pemberontak ini. Insiden inilah antara sebab utama kerajaan Thaksin telah ditumbangkan oleh pihak tentera melalui kudeta yang berlaku pada Oktober 2006 (Aslam, M.M. 2008).

Keadaan agak sedikit baik sejak pemerintahan Abhisit Vejjajiva, iaitu tokoh neutral yang dipilih oleh pihak tentera. Penentangan dan pemberontakan antara Muslim dan pemerintah Thailand mulai berkurangan. Bangkok kelihatannya telah berlembut dengan

---

<sup>3</sup> Respondent A3. (2007). Temubual pada 05 Disember 2007 di Yala. Merupakan aktivis masyarakat dan telah bertanding dalam beberapa pilihanraya Thailand sebelum ini.

melakukan beberapa perubahan sikap terhadap umat Islam Selatan Thailand. Dari selalu curiga dan menekan, menjadi lebih terbuka dan memberi peluang sama-rata. Tindakan-tindakan kekerasan telah berkurang dan masyarakat Muslim telah diberikan peluang dalam beberapa pilihanraya yang dijalankan sebelum ini. Pilihanraya yang baru lalu juga memperlihatkan bagaimana parti Pheu Thai dan Demokrat turun ke padang untuk mendekati penduduk Muslim yang telah lama terpinggir ini.

Walau bagaimanapun, penentangan dan pemberontakan masih berlaku. Selagi cita-cita politik kumpulan pejuang Muslim ini tidak tercapai, maka selagi itulah perjuangan ini akan berterusan. Objektif utamanya adalah menubuhkan semula kerajaan Islam Pattani yang telah ditewaskan oleh Siam pada tahun 1785 dan juga mengembalikan kedaulatan yang telah dirampas oleh British dalam 'Treaty Anglo-Siamese' pada tahun 1909. Perjuangan yang dimulakan ratusan tahun dahulu kelihatannya akan berterusan tanpa penghujung. Kerajaan yang baru dibentuk ini pastinya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam berkompromi dengan golongan pejuang ini dan seterusnya memenangi hati penduduk Islam wilayah selatan ini.

## **DETIK PERUBAHAN**

Pada 19 September 2006, kira-kira jam 10.00 malam tentera kerajaan Thailand telah digerakkan ke bangunan Parlimen di tengah ibu kota Bangkok. Pergerakan yang secara langsungnya menguasai bangunan Parlimen, mengelilinginya dengan kereta kebal dan beberapa ketumbukan askar telah menghalang ahli Parlimen menjalankan tugas mereka dan menandakan bahawa sistem demokrasi yang mengambil alih sistem monarki yang dibina sejak tahun 1932 telah musnah (Aslam, M.M. 2008). Kudeta yang berlaku buat kali ke-18 dalam sejarah kerajaan Thailand ini telah menghumban Perdana Menteriya Thaksin Sinawatra yang berkuasa selama lima tahun.

Sejarah telah mencatatkan bahawa 167 kudeta telah berlaku di dalam dunia politik moden. Bermula pada tahun 509 apabila senat Roman menubuhkan kerajaan monarki untuk menubuhkan kerajaan republik di Rom hinggalah yang terakhir pada Disember 2006 di Fiji apabila Frank Bainimarama, komander tentera Fiji menggulingkan kerajaan Laisenia Qarase. Kudeta bermaksud satu tindakan untuk menggulingkan kerajaan tanpa mengikut perlembagaan. Sejarawan membahagikan kudeta kepada 3 jenis, pertama dikenali kudeta dengan persetujuan atau tanpa pertumpahan darah untuk menggantikan kerajaan yang sedia ada sebagaimana yang berlaku di Mesir 1952, Liberia 1980 dan Thailand 2006 lalu. Kudeta jenis kedua ialah kudeta terkawal atau dikenali sebagai kerusi berirama yang mana ketua kerajaan masih memegang kuasa tetapi arahan dan tindakannya datang dari pihak lain. Manakala yang terakhir ialah kudeta besar-besaran atau melibatkan pertumpahan darah sebagaimana yang berlaku di Chile 1973 dan Venezuela 2002.

Persoalan yang timbul ialah siapakah yang memimpin negara selepas berlakunya kudeta? Satu kumpulan yang dikenali sebagai junta akan menjalankan pemerintahan. Biasanya ketua tentera akan mengambil alih pucuk pimpinan ataupun melantik seseorang yang

dirasakan layak dan sesuai untuk memegang jawatan tersebut. Pemimpin seperti Muammar Ghaddafi di Libya, Blaise Compaore di Burkina Faso, Pervez Musharraf di Pakistan, Than Swee di Myanmar dan Soonthi Bonyaratlingam di Thailand adalah antara ketua negara yang dilantik hasil kudeta. Surayud Chulanont yang mengetuai kudeta di Thailand pada September 2006 telah menyerahkan kuasa pentadbiran kerajaan kepada Sonthi, bekas panglima tentera yang disegani dan pernah tinggal beberapa bulan di hutan untuk mendalami kehidupan sami Buddha selepas persaraannya.

Thaksin, merupakan jutawan telekomunikasi dan mempunyai empayar perniagaan yang besar, menubuhkan parti Thai Rak Thai (TRT) dan memimpinnnya untuk memenangi pilihanraya Thailand pada tahun 2001. Thaksin menguasai kerajaan pimpinan Chuan Leekpai yang telah meminjam wang daripada Tabung Pinjaman Antarabangsa (IMF) selepas berlakunya krisis matawang pada 1997/98. Tekanan pihak luar berhubung pinjaman dan usaha untuk mengatasi kemelut masyarakat yang baru sahaja musnah ekonomi dan perniagaan merupakan cabaran terbesar bagi Thaksin. Dengan kepintaran dan pengalaman dalam bidang perniagaannya, Thaksin telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan seperti tawaran pelaburan kepada pihak luar, memajukan infrastruktur, membantu syarikat-syarikat yang terjejas, insentif untuk pekerja rendah dan golongan petani serta miskin, memudahkan pinjaman perniagaan dan perkhidmatan kesihatan percuma serta bantuan 1 juta Baht untuk setiap kampung telah menjadikan kepimpinannya disanjung dan mendapat pengiktirafan rakyat.


Tetapi, populariti Thaksin hanya melonjak di kawasan utara yang mana Chiang Mai adalah tempat kelahirannya. Sebaliknya, popularitinya menurun dengan teruk di kawasan-kawasan lain terutamanya di selatan yang ramai masyarakat Islam. Dengan melaungkan slogan 'perang terhadap pengganas' tindakan tentera arahnya telah melakukan beberapa tindakan yang melanggar hak asasi manusia termasuklah tragedi Tak Bai pada 25 Oktober 2004 yang menyebabkan kematian 89 pemuda Islam (Montblake, S. 12/07/06). Malahan keadaan diburukkan lagi dengan rusuhan dan siri letupan serta pembunuhan yang dilakukan oleh kumpulan pemberontak dan pejuang pemisah Pattani atau dikenali sebagai PULO. Sepanjang pemerintahan Thaksin semenjak September 2001 hingga saat berlakunya kudeta lebih 1300 nyawa terkorban sama ada di pihak kerajaan, tentera, Muslim mahupun Buddha di Selatan Thailand.

Melalui pilihanraya Februari 2005, Thaksin telah memenangi pilihanraya dengan majoriti yang lebih besar, tetapi kekalahan dialami oleh partinya (TRT) di semua kerusi di bahagian selatan. Parti Demokratik yang mendapat sokongan pembangkang dan pihak tentera telah menguasai kawasan-kawasan yang mana populariti Thaksin menurun. Walau bagaimanapun kepimpinan Thaksin masih mendapat sokongan dan disukai oleh golongan marhaein dan miskin (Respondent A1, 2007).

Penghujung tahun 2005, kerajaan Thaksin dilanda tsunami sebagaimana yang berlaku pada 26 Disember 2004 di negara-negara Asia Pasifik yang telah mengorbankan hampir 350,000 nyawa. Thaksin dan kerajaannya dituduh dengan amalan rasuah dan kronisme. Ini diteruskan lagi dengan peningkatan harga minyak akibat lonjakan minyak di pasaran dunia dan kelembapan ekonomi yang berlaku akibat demonstrasi aman yang


dilakukan secara konsisten. Masalah penjualan tenaga elektrik dan penjualan sahan Shin Corp, syarikat telekomunikasi Thailand kepada Temasek Holdings, syarikat milik Singapura telah mencetuskan krisis dan menjadi peledak yang dilepaskan oleh pembangkang. Ratusan ribu rakyat berkampung di ibu kota Bangkok untuk memaksa Thaksin meletak jawatan. Secara drastiknya, Thaksin membubarkan Parlimen dan mengumumkan pilihanraya pada April 2005. Pembangkang dengan jayanya memboikot pilihanraya tersebut menyebabkan Thaksin hanya memenangi 38 kerusi iaitu kurang 20 peratus untuk membentuk kabinet baru.

Akhirnya tentera yang mula mendapat sokongan rakyat dengan jayanya melakukan kudeta ketika Thaksin berada di New York untuk persidangan PBB. Kemelut politik dan krisis ekonomi menjadikan Thaksin tumbang di kaki rakyat dan tentera. Rakyat yang melantiknya mula menyuarakan ketidakpuasan hati dan sanggup melakukan apa sahaja untuk melihat perubahan. Kudeta yang berlaku buat kesekian kalinya dalam sejarah Thailand ini ditagih dengan keamanan dan kemakmuran ekonomi dan politik. Junta tentera yang menjanjikan kerajaan demokrasi akan ditubuhkan dalam tempoh satu tahun telah menunaikan janji mereka dengan terlantiknya Samak Sundaraj pada penghujung 2005 yang lalu.




Graf 1: Kematian yang berlaku di Thailand ketika dalam tempoh kudeta yang lalu. Sumber dari Aslam, M. M. (2008). Southern Thailand Insurgency. Wellington: The Intelligence and Security Research Programme, School of Government, Victoria University of Wellington.





Graf 2: Rekod kematian guru-guru di Selatan Thailand sama ada di pihak Muslim mahupun Buddha. Sumber: Aslam, M. M. (2008). Southern Thailand Insurgency.



Graf 3: Jumlah kematian yang berlaku semasa pentadbiran dua Perdana Menteri singkat iaitu Samak Sundaraj dan Somchai. Sumber: Aslam, M. M. (2008). Southern Thailand Insurgency.


## **KONSEP 'SATU MALAYSIA' DI SELATAN THAILAND**

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengadakan lawatan ke wilayah Narathiwat di Selatan Thailand pada September tahun 2009. Lawatan khusus dari ketua negara luar ke wilayah bergolak ini adalah merupakan satu catatan penting bagi penduduk majoriti Melayu Islam Selatan Thailand. Lawatan ini telah membuka satu lembaran sejarah baru antara kedua-dua negara dan juga menandakan betapa pentingnya peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan krisis berdarah yang telah mengorbankan lebih 4,000 nyawa sejak tragedi Tak Bai dan Masjid Krue Sei pada tahun 2004.

Hubungan yang rapat antara masyarakat Melayu Selatan Thailand dan Melayu Malaysia terutamanya bagi penduduk pantai timur semenanjung Malaysia dapat dibuktikan melalui persamaan budaya, bahasa, agama dan fizikal. Ini ditambah lagi dari sudut historikalnya bahawa tiga wilayah Selatan Thailand ini adalah merupakan sebahagian daripada kesultanan Pattani yang mempunyai hubungan rapat dengan Tanah Melayu pada kurun ke 15 dahulu. Oleh sebab itulah, kerajaan Malaysia telah berulang kali menyatakan pendirian terbukanya untuk membantu menyelesaikan konflik di Selatan Thailand yang mana sedikit sebanyak tetap memberikan kesan kepada Malaysia.

Lawatan ini dilakukan bersempena persidangan tahunan kali keempat yang menjadi medan membincangkan pelbagai isu dua hala seperti ekonomi, pembangunan, diplomatik, keselamatan dan konflik antara Malaysia dan Thailand. Walaupun persidangan ini berlangsung di ibu kota Bangkok, tetapi inisiatif yang diambil oleh Datuk Seri Najib untuk mengunjungi wilayah selatan ini amatlah disanjung. Lawatan ini dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan lawatan rasmi yang telah dilakukan oleh Abisit Vejajiva, Perdana Menteri Thailand beberapa bulan sebelum itu, iaitu selepas beliau dipilih mengetuai Thailand. Abisit dipercayai meminta bantuan Malaysia untuk membantu mencari penyelesaian krisis di Selatan Thailand.

Lawatan yang julung-julung kalinya dilakukan oleh pemimpin tertinggi Malaysia ini, menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha menangani konflik berdarah Selatan Thailand. Abishit, turut bersama-sama menemani Datuk Seri Najib dalam lawatan tersebut termasuklah ketika mengunjungi sekolah swasta Islam. Malah Malaysia juga telah menyatakan kesediaannya untuk membantu memajukan tiga daerah termundur di Selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishamuddin Hussein turut berkata, "Malaysia bukan sahaja bersedia membantu dalam penyelesaian krisis ini, malah juga bersedia membantu dalam bidang-bidang lain seperti pendidikan dan pembangunan ekonomi serta membina peluang-peluang perniagaan di Selatan Thailand" (Bernama, 23/12/09).



Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/South\\_Thailand\\_insurgency](http://en.wikipedia.org/wiki/South_Thailand_insurgency)

Gambar 4: Bendera Pattani Raya, sebuah negara Islam berdaulat yang diperjuangkan oleh kumpulan pemisah Selatan Thailand.

Rentetan dari kunjungan tersebut, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Polis Thailand juga bersetuju untuk bekerjasama dalam menjalankan siasatan berkaitan dengan keganasan dan aktiviti jenayah antara kedua-dua negara. Ini dikuatkan lagi dengan penemuan beberapa bom buatan sendiri di sebuah rumah di Kampung Gebeng, Pasir Mas, Kelantan baru-baru ini. Hasilnya beberapa individu telah ditahan untuk membantu siasatan pihak polis. Walaupun kerjasama antara pihak polis di kedua-dua negara telah terjalin sejak sekian lama, tetapi difahamkan ianya bertambah erat selepas lawatan tersebut.

Kerajaan Thailand juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk program pembangunan di Selatan Thailand. Projek khas selama tiga tahun (2010-2012) yang dilancarkan oleh kerajaan Thailand ini mensasarkan pembangunan dan membasmi kemiskinan di tiga wilayah majoriti Muslim ini dengan bantuan Malaysia (Bernama, 23/12/09). Kerajaan Thailand juga mengharapkan bahawa Malaysia akan menggunakan kepakaran yang dimiliki dalam bidang kelapa sawit dan getah untuk membantu masyarakat Muslim Selatan Thailand yang rata-ratanya miskin. Penduduk Selatan Thailand juga dipercayai telah lama terlibat dengan sektor perladangan kelapa sawit dan getah di Malaysia terutamanya mereka yang tinggal di sempadan.



Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/South\\_Thailand\\_insurgency](http://en.wikipedia.org/wiki/South_Thailand_insurgency)

Gambar 5: Logo rasmi Pattani United Liberation Organization (PULO), salah sebuah kumpulan pemisah yang didakwa aktif melakukan siri-siri serangan di Selatan Thailand.

Menyentuh aspek pendidikan, kerajaan Malaysia juga akan memainkan peranan besar dalam mempertingkatkan kefahaman dan kualiti pengajaran dan pembelajaran penduduk di Selatan Thailand. Puluh sekolah rendah dan menengah Islam sama ada swasta mahupun separa kerajaan di selatan Thailand ini mempunyai sukatan pembelajaran yang berbeza dan tersendiri antara satu sama lain. Oleh itu, kemajuan yang dimiliki Malaysia dalam bidang pendidikan amat ditagih untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan masyarakat Melayu Muslim ini. Makanya, hasil daripada lawatan Datuk Seri Najib, lima orang guru Sekolah Islam Attakiah di wilayah Narathiwat akan dipilih sebagai perintis untuk menjalani kursus Bahasa Inggeris di Institut Perguruan di Malaysia (Utusan Malaysia, 09/12/09). Wanmahdee Wandaud, Gabenor Narathiwat menyambut baik usaha Malaysia untuk menempatkan guru-guru tersebut di Malaysia bagi kursus Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun beliau percaya sebenarnya peranan yang lebih besar boleh dimainkan oleh Malaysia jika kerajaan Thailand benar-benar ikhlas dan bersedia membuka ruang untuk kerajaan Malaysia.



Sumber: <http://www.hindustantimes.com/photos-news/Photos-World/june3worldinpics/Article4-705161.aspx>

Gambar 6 : Menunjukkan Yingluck Shinawatra dan penduduk Muslim Selatan Thailand menggangkat jari dengan isyarat satu, iaitu Satu Thailand dan 'Bersatu'.

Seterusnya, lawatan bersejarah ini juga diharapkan akan menjadi bukti kepada dunia dan masyarakat Muslim di Selatan Thailand bahawa kedua-dua kerajaan tidak berkompromi dengan kegiatan militan dan keganasan. Hanya perjuangan yang sah dan melalui lulas-lunas demokrasi sahaja yang diterima. Oleh itu, sebarang aktiviti yang merosakkan harta benda dan nyawa adalah ditolak. Siri-siri serangan dan letupan bom yang mewarnai Selatan Thailand sejak 2004 hingga sekarang ini, adalah sesuatu yang menyedihkan dan memburukkan imej masyarakat Melayu Islam Selatan Thailand. Kerajaan Thailand pimpinan Thaksin telah mengambil pendekatan kekerasan dalam menangani krisis Selatan Thailand. Setelah berlakunya rampasan kuasa pada 2006, kerajaan Surayud Chulanont, Samak Sundaravej dan Somchai mula berlembut dengan penduduk Selatan Thailand.

Rombongan Perdana Menteri juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada tokoh tempatan dan pentadbiran Bangkok. Pendekatan pentadbiran Najib Tun Razak yang dilihat berjaya mengetengahkan konsep 1 Malaysia amat diminati oleh Bangkok. Delegasi mereka juga memohon kepakaran Malaysia dalam mempraktikkan gagasan 1 Malaysia di Selatan Thailand (Bernama, 23/12/09). Gagasan 1 Malaysia dilihat sebagai wadah terbaik untuk menyatukan masyarakat yang terbahagi dua ini. Malah jika dihayati sepenuhnya, konsep ini lebih mudah diaplikasikan di Thailand kerana mereka hanya terpisah agama dan budaya tetapi bukan terpisah bangsa. Jika dibandingkan dengan Malaysia, penyatuan rakyat pelbagai kaum dan berlainan bangsa ini sebenarnya lebih mencabar. Tetapi tiada apa yang perlu dirisaukan kerana konsep 1 Malaysia ini telah terbukti berjaya di Malaysia dan pastinya boleh di Thailand.

Era pemerintahan Abishit, masalah sosio ekonomi Selatan Thailand mula diberikan perhatian yang lebih khusus terutamanya dalam menyelesaikan konflik berdarah pejuang pemisah Thailand. Malaysia amat mengharapkan kerajaan Thailand dapat menyelesaikan konflik di Selatan Thailand ini dengan sesegera mungkin untuk kebaikan bersama. Kerajaan Abishit juga telah menunjukkan hasil positif dengan penurunan ketara kadar serangan bom dan siri serang hendap. Manakala di pihak Malaysia, segala usaha yang perlu akan dilakukan dengan syarat pihak Thailand membenarkan Malaysia memainkan peranan lebih utama dalam menangani konflik tersebut.

Kini episod baru pemerintahan Thailand bakal diukur dengan pendekatan yang akan diambil oleh Yingluck Shinawatra. Umum mengetahui Yingluck lebih mesra dan mendekati masyarakat Muslim Selatan Thailand. Apa yang beliau tunjukkan semasa tempoh kempen yang lalu menjanjikan masa depan yang cerah untuk Thailand. Beliau juga secara terang-terangan menggunakan konsep 1 Malaysia dalam mendekati penyokongnya, konsep yang kelihatannya sangat berjaya apabila parti pimpinannya menang semua kerusi di Selatan Thailand. Konsep penyatuan dan penyelesaian kepada konflik berdarah yang panjang dalam sejarah moden Thailand telah dijumpai. Walau pun ianya konsep yang masih baru dan perjalanan ke arah keamanan dan kesejahteraan yang ingin dicapai penuh dengan onak dan duri, tetapi langkah awal ini dilihat mampu membuka langkah seterusnya. Umpama pepatah Cina 'seribu langkah bermula dengan satu langkah'. Maka langkah menerapkan gagasan 1 Malaysia dengan 1 Thailand dilihat sebagai wadah terbaik untuk penyelesaian yang dicari-cari selama ini.

## RUJUKAN

- Andaya, Barbara Watson & Leonard Y. Andaya. (2001). *A History of Malaysia*. 2<sup>nd</sup> Edition. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Arshad, M. A. (2007). Interview on the 06 December 2007 at Ba Gan Koey. Sathun, Thailand.
- B. Raman, Thailand and International Islamic Front in South Asia Analysis Group (SAAG) article dated September 01, 2004.
- Bernama, 23 Disember 2009. Retrieved daripada <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/news1Malaysia.php?id=464151>
- Carroll Quigley. (1979). *The Evolution of Civilizations: An Introduction to Historical Analysis*, Indianapolis: Liberty Press.
- Che Man, W. A. K. (2008). Phone Interview on the 30 January 2008 from Wellington, New Zealand to Petaling Jaya (pp. Dr Wan Kadir Che Man is the official leader of the BERSATU (The United Front for the Independence of Pattani) or "Bersatu" (Malay for "United") was formed with the idea to unify resources so foreign sources of support could be refused. More significantly, this demonstrated the effectiveness of the Thai government's success in combating separatist groups. Beratsu claims 60-80 fighter trained in SW Asia). Selangor.
- David Capitanchik. (1986). *Terrorism in Islam, in Terrorism, ideology & Revolution: The Original of modern Political Violence*, 128. Great Britain: Wheatsheaf Books Ltd.
- Goliath Knowledge, Indonesia, Thailand Reiterate Closer Antiterror Cooperation, August 29, 2003. Full article from <http://goliath.ecnext.com/comsite5/bin/pdinventory.pl>.
- International Crisis Group, Southern Thailand Insurgency: Not Jihad. May 18, 2005 from <http://www.crisisgroup.org/home/index.cfm?id=3436&l=1>.
- John McBeth, September 22-23, The Danger Within. *Far Eastern Economic Review* (FEER).
- Kate McGeown, BBC News-Asia Pacific Violence, Fighting Thailand's Insurgents, 09 August 2006. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/asia-pacific/4775623.stm>.
- Kate McGeown, BBC News-Asia Pacific Violence, Search For Justice in South Thai, 08 August 2006. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/asia-pacific/5255054.stm>.

- Kate McGeown, BBC News-Asia Pacific Violence, Violence and Vendettas in Thai South, 06 August 2006. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/asia-pacific/5255054.stm>
- Respondent A1. (2007). Interview on the 28 December 2007 at Kampung Baru Kota Mengkuang (pp. He was shot by Southern Thailand Insurgents in 2005. Warded in Pattani Hospital with injury in his eyes and legs.). Kedah.
- Respondent A2. (2007). Interview on the 06 December 2007 at Ba Gan Koey. Satun, Thailand. He is Respected Imam in this Town and one of the mediator for local conflict resolution.
- Respondent A3. (2007). Interview on the 05 December 2007 at Yala Town. Yala.
- Retrieved from [http://news.xinhuanet.com/english/2008-01/28/content\\_7511078.htm](http://news.xinhuanet.com/english/2008-01/28/content_7511078.htm)
- Retrieved from [http://news.xinhuanet.com/english/2008-01/30/content\\_7526850.htm](http://news.xinhuanet.com/english/2008-01/30/content_7526850.htm)
- Richard Clutterbuck. (1994). *Terrorism in an Unstable World*, 96. London: Routledge.
- Simon Montlake. *Learning to Live With Thai Violence*. BBC News-Asia Pacific Violence, 12 July 2006. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/asia-pacific/4675415.stm>.
- Supara Janchitfah. *Southern Muslims Plead for Understanding*. Bangkok Post, September 30, 2001.
- Teena Amrit Gill. *Thai Hilltribes Battling Discrimination*. Asia Times Online, September 1, 2001.
- Utusan Malaysia. *20,000 Rakyat Thai Lari ke Malaysia* (20,000 Thais Escape to Malaysia), 13 September 2006.
- Utusan Malaysia. *Bom: Pelancong mulai Tinggalkan hat Nyai* (Bomb: Tourist Leave Hat Nyai). 17 September 2006. <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>.
- Utusan Malaysia. *Malaysia Taja Biasiswa, Latih Guru Selatan Thai*. 09 Disember 2009. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1210&pg=mh\\_01.htm&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&y=2009](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1210&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2009)
- Veitch, J. A., Mohd Mizan & Boyer, Charlotte. (2007). *The Insurgency in Southern Thailand: A Quest for Identity and Security*, 7. Intelligence, and Security Studies reserach Unit, School of Government.

Veitch, Jim, *The Search for Identity in Muslim Southeast Asia: The Colonial Context for the rise of Terrorism*. Paper presented at Colloquium on Religion and Identity held at Victoria University of Wellington, New Zealand from 15<sup>th</sup> – 16<sup>th</sup> September 2004.

Zachary Abuza, 2003, *Militant Islam in Southeast Asia*, Colorado: Lynne Rienner Publisher.

Zachary Abuza, *A Breakdown of Southern Thailand's Insurgent Groups*, Global Terrorism Analysis: The Jamestown Foundation.